

**Pengembaraan berliku PI Bala selamatkan diri
Malaysiakini.com
July 09, 2010**

Pada 7 Julai 2008, penyiasat persendirian P Balasubramaniam menyambut ulangtahun perkahwinan dengan disoal-siasat oleh polis selama lebih enam jam di kedutaan Malaysia di Bangkok.

Selasa lalu, ulangtahun perkahwinannya disambut dengan sidang media di kota London tetapi dalam suasana yang lebih tenang. Watak dan lokasi mungkin berubah, namun fokusnya tetap sama.

"Semua pihak memfokus pada kes pembunuhan Altantuya Shaariibuu dan siapa di belakangnya," kata peguam Balasubramaniam - Americk Sidhu.

"Satu lagi isu yang tidak kurang penting ialah cara Balasubramaniam dilayan selepas membuat pengakuan bersumpah pada 3 Julai 2008. Dia terus dipujuk, dinasihat, dirasuah, digertak dan kemudiannya dibawa keluar dari Malaysia."

Rakaman video wawancara Balasubramaniam di Singapura pada November lalu oleh tiga peguamnya menceritakan pengalaman ngerinya bermula 3 Julai 2008.

Antara dakwaan yang memeranjatkan oleh Balasubramaniam adalah kata-kata yang diutarakan oleh Nazim Abdul Razak, adik kepada perdana menteri ketika pertemuan di The Curve , Damansara pada malam selepas beliau membuat pengakuan bersumpah: "Jika anda sayang keluarga anda, ikut sahaja arahan Deepak (Jaikishan)."

Kata-dua itu menyaksikan Balasubramaniam menyembunyikan dirinya selepas secara tergesa-gesa menarik pengakuan bersumpah pertamanya melalui pengakuan bersumpah kedua.

Anak-anaknya diberi passport baru dan sebuah van dihantar bagi membawa Balasubramaniam dan keluarganya terus ke Lapanganterbang Changi di Singapura dan dibawa terus dengan pesawat ke Bangkok - semua ini dilakukan dalam tempoh 24 jam.

Selepas disoal-siat oleh pegawai polis bahagian jenayah komersial, Balasubramaniam dan keluarganya diterbangkan ke Kathmandu, kemudiannya New Delhi dan akhir sekali di Chennai, India di mana mereka menetap lebih setahun.

azlanDakwanya segala perbelanjaan dan sara hidupnya itu dibiayai oleh ahli perniagaan yang mempunyai hubungan politik dengan pihak atasan, Deepak Jaikishan.

Menurut Balasubramaniam, kemungkinan beliau untuk pulang ke Malaysia amat kecil.

"Jika saya pulang ke Malaysia. Saya mempunyai bilik di kamunting yang menunggu saya. Saya tidak boleh balik. Mereka akan cuba menutup mulut saya atau mereka akan menghumban saya ke Kamunting sehingga sembilan atau 10 tahun," katanya.

Balasubramaniam berkata peluangnya untuk kembali dan menjalani kehidupan harian hanya boleh berlaku jika ada perubahan dalam kerajaan.

Copyright © 1999-2007 Mkini Dotcom Sdn. Bhd.
Source : <http://www.malaysiakini.com/news/136837>